

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN
NARRASHID [KOTA TINGGI – BN]**

TARIKH : 19 MAC 2015 (KHAMIS)

SOALAN (NO. 68)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah jumlah belia yang mendaftar sebagai pemilih dan layak mengundi dalam sesi pemilihan calon Parlimen Belia yang dilaksanakan baru-baru ini dan berapakah jumlah yang keluar mengundi.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 171,094 orang belia telah mendaftar sebagai pemilih dan layak untuk mengundi dalam sesi pemilihan Parlimen Belia Malaysia yang telah diadakan pada 22 sehingga 31 Oktober 2014. Jumlah yang mengundi adalah seramai 28,435 orang iaitu sebanyak 16.62%.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN HEE LOY SIAN
KAWASAN : PETALING JAYA SELATAN
TARIKH : 19 MAC 2015, KHAMIS

SOALAN:

YB. TUAN HEE LOY SIAN (PETALING JAYA SELATAN) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan pemansuhan Lebuh Raya KIDEX selepas laporan konsultan bebas yang dilantik oleh MBPJ mendapati Lebuh Raya KIDEX tidak disyorkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Perjanjian konsesi projek Lebuhraya Kinrara – Damansara (KIDEX) telah ditandatangani antara Kerajaan Pusat dan syarikat konsesi pada 15 November 2013. Sebelum perjanjian tersebut ditandatangani, cadangan projek tersebut telah dibentangkan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor (MTES) dan telah menerima kelulusan bersyarat pada 23 Februari 2012.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Pusat telah mematuhi semua peraturan dan prosedur yang ditetapkan Kerajaan Negeri. Ini termasuklah hasil laporan penilaian impak lalu lintas (TIA), penilaian impak alam sekitar (EIA) dan penilaian impak alam sosial (SIA) yang telah dikemukakan kepada pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) pada 7 Julai 2014 dan 26 Januari 2015. Di samping itu, kementerian ini menerusi Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan syarikat konsesi juga telah mengadakan sesi 'engagement' yang dibuat secara berterusan dengan pihak-pihak berkuasa tempatan dan persatuan penduduk yang terlibat.

Namun demikian permohonan Kerajaan Negeri untuk mendedahkan dokumen perjanjian konsesi termasuk kadar tol tidak dapat dilaksanakan. Ini kerana ia melibatkan aspek 'confidentiality' atau kerahsiaan di mana ia memerlukan persetujuan daripada kedua-dua pihak untuk mendedahkan perjanjian tersebut. Di samping itu, cadangan pendedahan perjanjian tersebut memerlukan kelulusan

bagi maksud pengklasifikasian daripada Jemaah Menteri, iaitu selaras dengan klausa yang terdapat perjanjian berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek KIDEX ini merupakan sebahagian daripada skim perancangan jangka panjang Kerajaan Pusat untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Lembah Klang, di samping pelaksanaan projek MRT yang sedang dan akan dibina. Cadangan pelaksanaan projek KIDEX ini perlu dilihat secara holistik di mana ia bukan sahaja akan mengurangkan masalah kesesakan trafik, tetapi juga ia memberikan manfaat dan kesan limpahan sosioekonomi kepada Kerajaan Negeri dan juga negara secara keseluruhan. Ia juga menepati dasar Kerajaan Pusat untuk mengimbangi perancangan dan pembangunan Greater Kuala Lumpur – Lembah Klang pada masa hadapan dengan mengambil kira pandangan rakyat terbanyak.

Berikutan pengumuman oleh YAB Menteri Besar Selangor untuk membatalkan projek KIDEX pada 16 Februari 2015 yang lalu, kementerian ini akan mendapatkan nasihat dan pandangan Jabatan Peguam Negara mengenai implikasi perundangan yang terlibat. Di dalam masa yang sama, kementerian ini berhasrat untuk mengadakan sesi perjumpaan dengan YAB Menteri Besar Selangor bagi mendapatkan penjelasan mengenai isu-isu berbangkit berikutan pengumuman tersebut. Ini termasuklah ingin mengetahui perancangan alternatif Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas yang telah sekian lama berlarutan di kawasan berkenaan.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 70

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : 19 MAC 2015

RUJUKAN : 7536

SOALAN:

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah wujudnya kaitan antara Pertubuhan Pribumi Perkasa dengan Kerajaan. Adakah Kerajaan menaja pertubuhan NGO ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut rekod Kementerian Dalam Negeri, Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA) dengan No. Pendaftaran PPM-002-14-12092008 yang beralamat di No. 88, Tingkat 2, Jalan Dato' Haji Eusoff, 50400 Kuala Lumpur adalah suatu pertubuhan yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] di bawah kategori kebajikan. Berdasarkan Perlembagaan Pertubuhan tersebut, didapati ia menjana pendapatan dengan usaha sendiri misalnya melalui yuran kemasukan, yuran ahli, kutipan dana, derma dan lain-lain aktiviti yang dilakukan oleh pertubuhannya.

Turut dimaklumkan bahawa Kementerian Dalam Negeri tidak memberikan apa-apa bantuan berupa peruntukan kewangan kepada mana-mana pertubuhan yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia termasuklah kepada Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA). Walau bagaimanapun, di bawah peruntukan *Guarded Neighbourhood* pada tahun 2013 dan 2014, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia hanya memberikan geran kepada Persatuan Penduduk yang bertujuan mengadakan aktiviti atau program pencegahan jenayah sahaja.